

08/09/1999

FCAM kutuk tuntutan pertubuhan Cina

R Magendran

KUALA LUMPUR, Selasa - Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (FCAM) mengutuk tindakan segelintir pertubuhan Cina yang membuat pelbagai tuntutan sebagai syarat bagi menyokong Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Presiden FCAM, Datuk Chong Chin Shoong, berkata golongan itu tidak seharusnya mengambil kesempatan menjelang pilihan raya untuk mencari keuntungan peribadi tanpa menghargai budi BN.

Sehubungan itu, Chong yang dihubungi hari ini menegaskan FCAM tetap menyokong kerajaan BN demi kestabilan politik dan perpaduan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Persekutuan Persatuan-Persatuan Cina Malaysia yang dilaporkan sudah mengemukakan senarai tuntutan pilihan raya yang perlu dipenuhi kerajaan bagi memastikan sokongan mereka berterusan.

Menurut laporan The Straits Times Singapura pada 2 September lalu, antara tuntutan itu ialah layanan saksama antara kaum, membina lebih banyak sekolah aliran Cina, mengkaji semula projek penswastaan dan kebebasan akhbar.

Chong mengakui beberapa persatuan gabungan FCAM pernah membangkitkan usul mengemukakan tuntutan terbabit pada mesyuarat pertubuhan itu pada 26 Ogos lalu, tetapi majoriti ahli gabungan menolaknya dan isu berkenaan dianggap selesai.

"FCAM berpendapat setiap permintaan harus diperolehi menerusi rundingan kerana kerajaan BN telus dan bersikap terbuka, bukannya menggunakan kaedah berunsur ugutan yang mencemar keharmonian kaum.

"BN tidak perlu khuatir mengenai sokongan masyarakat Cina kerana FCAM yang mewakili gabungan persatuan Cina yang terbesar di negara ini, mengiktiraf kewibawaan kepemimpinan BN," katanya.

Menurut Chong, FCAM dianggotai 13 Dewan Perhimpunan Cina peringkat negeri yang merangkumi kira-kira 5,000 persatuan kaum Cina dengan keahlian melebihi 100,000 orang di seluruh negara.

Katanya, walaupun FCAM ditubuhkan pada 1991, ada di antara badan gabungannya, seperti Dewan Perhimpunan Cina Selangor sudah berusia lebih 75 tahun.

Beliau juga menegaskan FCAM tidak terbabit dalam tindakan mengemukakan senarai tuntutan kepada kerajaan BN seperti yang dilaporkan akhbar Singapura itu.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan BN tidak akan bertolak ansur dengan tuntutan berunsur ugutan.

Katanya, permuafakatan di kalangan parti komponen BN yang mencapai kejayaan yang memberangsangkan selama 25 tahun, sudah cukup untuk memastikan keutuhan tanpa sebarang persengketaan dalaman.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Eksekutif FCAM, Lai Kuan Fook berkata FCAM bukan pertubuhan politik dan tidak percaya bahawa amalan menyuarakan tuntutan sebagai kaedah berkesan bagi memperbaiki taraf hidup rakyat atau memperjuangkan kebajikan masyarakat Cina.

"Kami juga pernah mengemukakan memorandum menyokong kerajaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 25 November 1998 tetapi ia dilakukan secara tertib dan teratur," katanya.

(END)